

KEINDAHAN HIJAB SEBAGAI AGAMA DAN BUDAYA

Nurrul Asmar Binti Azhan¹ dan Harozila Ramli²

¹ Universiti Pendidikan Sultan Idris, MALAYSIA. herykalmaiy@gmail.com

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk mengkaji makna keindahan pemakaian hijab sebagai agama dan budaya masyarakat Malaysia. Hijab atau sinonim dengan tudung bagi masyarakat Malaysia atau pakaian kepala bagi kaum wanita Melayu adalah satu tradisi dan adat yang sangat lama dan tua dalam budaya Melayu. Berhijab adalah satu perhormatan yang tersendiri ke atas keperibadian pemakainya. Kajian ini adalah berdasarkan kaedah pemerhatian dan fahaman mengenai teori Plato ke arah keindahan fesyen hijab yang disokong oleh konsep beragama dan pembangunan dunia fesyen hijab di Malaysia. Mengikut fahaman Plato memahami seni adalah berdasarkan 2 konsep, iaitu seni idea dan imitatif yang mana konsep idea menunjuk kepada teknik yang terukur secara profesional iaitu adanya perubahan dan transformasi ke atas perbandingan. Manakala teknik dalam hubungan mengandungi pengertian adanya sifat kualitatif yang terukur sehingga terjadi profesional atau keseimbangan dan komposisi yang tepat.

Konsep teori Plato tentang seni sebagai imitatif adalah bukan sahaja dalam erti tiruan, ia juga adalah inspirasi dari yang maha Esa sebagai kesempurnaan karya. Kesempurnaan berkarya membawa maksud adanya keghairahan yang sangat luar biasa sebelum dan pada saat persembahan, pertunjukan, penampilan, dan kewujudan karya. Ini adalah bakat dan ilham diberi oleh Maha Pencipta. Keindahan hijab sebagai agama dan budaya tercermin dalam beberapa kriteria indah. Antaranya ialah kreatif dan akuisitif. Keterampilan fesyen hijab sebagai salah satu trend mod di Malaysia ternyata telah memberi warna dan budaya masyarakat dari sebelum zaman milenium sehingga zaman keterbukaan atau lebih dikenali sebagai abad posmodernisme di mana budaya konsumerisme menjadi fenomena terhadap sosial budaya dalam bermasyarakat. Fesyen hijab dengan kreativiti para perekanya telah memenuhi sebahagian dari tuntutan zaman di mana trend berfesyen menuntut masyarakat berbudaya. Zaman pasca modenisme telah mengubah zaman yang menurut syariat kepada mod muslimah yang lebih berketrampilan, moden malah budaya konsumerisme mempengaruhi perkembangannya.

Kata kunci : hijab, agama, budaya, Plato

PENGENALAN

Dewasa ini populariti hijab di mata dunia semakin di pandang positif. Pada awal tahun 1990-an hingga kini pemakaian hijab menjadi persalinan busana muslimah yang sangat umum di seluruh Malaysia terutama di bandar Kuala Lumpur.

Penggayaan hijab di arena yang lebih urban, seperti di sektor pekerjaan, kampus, pusat komersial, bidang permodelan juga ada kebanyakannya memakai hijab. Malaysia sebagai salah satu negara yang majoriti memiliki penduduk beragama Islam menjadi salah satu negara yang aktif dalam transaksi produk mahupun konsumsi hijab, khususnya muslimah di Kuala Lumpur. Seiring dengan perkembangan zaman, wanita kini sangat teruja dengan pemakaian hijab yang penggayaan trendnya semakin moden dan kontemporari. Model hijab sebagai busana muslimah yang ada di pasaran kini selain mengikuti selera masyarakat juga dipengaruhi idea kreatif pereka hijab dalam menciptakan rekaan baru dan gaya yang lebih moden. Ini adalah dipengaruhi unsur budaya tradisional dan budaya global iaitu penggayaan hijab dari budaya negara Timur Tengah dan transisi penggayaan hijab gaya Amerika. (Harian Metro, Siti Zanariah Sahib, 2013). Perkembangan gaya hijab yang dipengaruhi berbagai unsur budaya masyarakat mewujudkan aliran makna keindahan seni dalam mod busana hijab. Ia merupakan unsur budaya masyarakat yang memberi citra tersendiri terhadap keperipadian pemakainya.

Hijab sendiri memiliki banyak maksud dalam penyebutannya di kitab Al-Quran. Menurut Ellya Zulaikha (2003), hijab secara terminologi adalah berasal dari kata h-j-b; bentuk verbalnya adalah hajaba yang diterjemahkan menutup, menyendirikan, memasang tirai, menyembunyikan, membentuk pemisahan dan memakai topeng. Juga diterjemahkan sebagai tutup, bungkus, tirai, cadar, dan layar. Menurut (Suciati, 2012) hijab memiliki pengertian umum sebagai segala sesuatu termasuk aktiviti yang membatasi atau memisahkan dan yang menutupi sehingga menghalang pandangan dari yang lain untuk menghindarkan diri dari larangan-larangan menurut dalam agama. Hijab secara harfiah memberi maksud antara lain sebagai dinding, tabir atau selubung dari selendang serta busana untuk wanita muslimah. Manakala Menurut (Zulkifli dan Fatin, 2013). Hijab dari segi bahasa ialah benda yang menutup sesuatu dengannya. Ia adalah tudung yang dipakai oleh wanita Islam yang menyembunyikan rambut, leher dan mempunyai purdah yang melitupi muka kecuali mata.

“Dalam persektif Islam, konsep berhijab seharusnya difahami dengan jelas sebagaimana yang termaktub dalam Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Secara umum, aurat wanita adalah seluruh anggota tubuh kecuali wajah dan kedua telapak tangan, manakala leher dan rambut adalah aurat di hadapan lelaki ajnabi walaupun sehelai.” (Wan Zainina Wan Bakar, 2013).

Penyataan ini jelas bahawa bahagian kepala wanita termasuk rambut dan telinga adalah wajib ditutup sebagaimana jelas termaktub dalam surah An- Nur ayat 31 (Al Quran).

Seni idea menurut Plato adalah ilmu. Keindahan hijab yang memiliki ciri-ciri idea kesempurnaan kepada keperibadian si pemakai memberi maksud prinsip penampilan yang profesional dalam diri. Baik dalam acara pertunjukan fesyen di atas pentas mahupun dalam gayaan oleh pemakainya. Gabungan kesan etika dan estetika namun tetap anggun dan sopan dalam reka bentuk hijab mendominasi hasil karya daripada pereka hijab dan konsep ketaatan.

Konsep idea juga merujuk kepada teknik yang terukur secara profesional yang membawa maksud transformasi prinsip rekaan dan perbandingan. Seperti contoh keindahan hijab akan mengalami perubahan dalam penggayaan melalui reka bentuk dan gaya mengikut peredaran zaman.

Idea yang diolah dari reka bentuk asal kepada rekaan yang lebih praktikal dan moden akan mewujudkan perbandingan dan perbezaan dari segi reka bentuk dan gaya berhijab. Kadar banding ini tidak menghilangkan sifat unik pada rekaan hijab malah menurut kajian Hegel dalam kajian (Fadhilah, 2010) Keindahan adalah idea yang wujud di dalam indra. *"Beauty is the idea as it shows itself to sense"*. Dengan makna lain idea adalah ilham dari gambaran indrawi dan khayal seseorang. Dengan gabungan dua imaginasi ini keindahan sesuatu seni itu akan mengalami perubahan mengikut apa yang difikirkan bagi menghasilkan sesuatu.

Penyataan di atas jelas bahawa idea adalah sebuah luahan dari akal dan batin bagi menerangkan objek yang terhasil. Konsep kedua Plato tentang seni sebagai imitatif (*cara peniruan*) adalah daya representasi dari Ilahi kepada kotak fikiran manusia yang muncul sebagai kesempurnaan karya. Kesempurnaan ini menyifatkan adanya keghairahan yang luar biasa dalam penghasilan karya rekaan. Menurut Plato inspirasi dari yang Maha Pencipta adalah sebagai daya kekuatan kepada prinsip keteraturan secara luas yang bulat dan tidak terpisah (Fadhillah, 2010). Mengikut fahaman penulis gabungan etika dan estetika sangat selari dengan maksud "idea" dan "imitatif" seperti apa yang dimaksudkan oleh fahaman Plato.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pada abad pos-modernisme ini, penggayaan hijab sebagai salah satu trend gaya baru seiring dengan fesyen yang memberi satu peralihan makna dalam pemakaian hijab. Tujuan pemakaian hijab adalah menutup aurat seperti mana yang termaktub dalam Al-Quran dan syariat Islam kini amalan pemakaiannya dianggap sebagai jelmaan budaya Islam dan kebudayaan orang Melayu. Penggayaan hijab juga dicap sebagai budaya pengguna dalam masyarakat moden kini yang mana maksud ketaatan yang jelas dalam Al Quran telah beralih kepada gayaan hijab yang moden dan mengikut arus fesyen global. Ini jelas dalam penulisan (Ismail Abdullah, 2009):

"Dalam konteks budaya global ini tema kontemporari bukanlah suatu bentuk penampilan yang negatif dan basi, tetapi merupakan budaya fesyen yang memenuhi cita rasa hiburan moden dan gaya elit masa kini". (Ismail Abdullah, 2009).

Dengan penjelasan di atas, jelas menunjukkan penggayaan hijab kepada wanita muslimah telah mengalami format gaya moden dan berlandaskan keindahan. Sepertimana kita tahu Islam menyukai kecantikan dan keindahan manakala arus budaya global juga merperlihat dan mempamerkan keindahan dan kecantikan.

Oleh itu kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji pemahaman tentang keindahan hijab dalam persektif agama mahupun budaya mengikut fahaman Plato yang berdasarkan 2 konsep, iaitu seni idea dan imitatif (cara peniruan) dalam memahami maksud sebenar keindahan hijab sebagai agama dan budaya.

SOROTAN LITERATUR

Kepastian agama Islam datang dari agama kebenaran (*Ar. din'ulhaq*) dan agama Allah (*Ar. Din'ul-Lah*) seperti dalam ayat 19, surah *Ali-Imran* (3). "Agama di sisi Allah itu adalah Islam". Dengan itu sememangnya reka bentuk hijab sebenar yang menurut syariat datang dari Al-Quran yang menuntut menutup seluruh rambut, leher dan dada dan hanya boleh diperlihatkan muka dan kedua belah tangan. Hakikat sebenar hijab bermaksud aurat dan perhiasan untuk mengekalkan kesopanan dalam aspek kehidupan. Aurat adalah antara aspek penting dalam setiap muslim. Kewajipan menutup aurat terpikul apabila seseorang telah mencapai usia baligh. Aurat akan tertutup dengan pemakaian hijab. Pemakaian hijab bukan sekadar aturan disiplin yang perlu dibuat untuk memperlihatkan diri sebagai seorang Islam. Malah pemakaiannya adalah sebuah keindahan yang bermaksud ketenangan dalam kehidupan. Reka bentuk hijab yang dicipta oleh idea seseorang pereka seharusnya mempunyai prinsip yang sama yang bersumber dari idea dan nilai ketuhanan dalam ajaran agama Islam. Prinsip dan aturan inilah yang dilihat kepada keindahan hijab sebagai agama dan budaya di mana penampilan seseorang dengan berhijab akan terkesan dan terserlah dari reka bentuknya lebih tertutup dibandingkan dengan busana lain.

Idea yang hadir dari yang Maha Esa dalam pandangan Plato merupakan idea yang tertinggi dan bersifat kebaikan. Keindahan dan kebaikan yang dimaksudkan adalah kebenaran yang ada dalam jiwa yang mengalir sebagai 'yang ada' dalam keaslian yang tercermin dalam norma atau aturan yang berprinsip. Imitatif pula dalam keagamaan sememangnya dituntut. Konsep peniruan pemakaian hijab yang menurut syariat adalah lambang sebagai ketaatan pada perintah agama Islam dari yang Maha Esa. Penjelasan konsep imitatif menurut Plato bagi agama jelas sebagai inspirasi dari yang Maha Esa sebagai budaya agama yang mutlak dan benar.



Rajah 1 Konsep pemakaian hijab mengikut syariat agama Islam
Sumber rujukan : majalah-i.karangkraf.com

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan penyelidikan kualitatif yang menjurus kepada deskriptif, data akan dikumpul dalam bentuk perkataan berdasarkan kaedah pemerhatian dan fahaman mengenai teori Plato iaitu seni idea dan imitatif. Buku, majalah, jurnal penyelidikan, surat khabar, nota lapangan dan rekod rasmi yang lain mengenai keindahan hijab sebagai agama dan budaya dirujuk sebagai data yang dikumpul untuk kajian bersandarkan pada pembacaan.

Keindahan hijab sebagai agama dan budaya mengikut fahaman Plato dikaji untuk melihat perbezaan makna tersirat dan tersurat dalam persoalan peribadi dan kefahaman yang terbuka. Data dianalisis dengan menggunakan induktif, data carian yang akan berterusan melalui pemerhatian produk yang terhasil (hijab) melalui tema dan konsep yang keagamaan dan budaya Melayu/Islam serta budaya moden dalam makna sebenar penghasilan reka bentuk busana hijab.

DATA KAJIAN

a. Keindahan Hijab Dalam Budaya Agama Islam

Islam adalah kecantikan. Keindahan dalam agama Islam adalah ketenangan. Prinsip kecenderungan terhadap kecantikan, keinginan untuk cantik dan menarik kepada sesuatu yang cantik adalah naluri dan fitrah seseorang. Keindahan hijab dalam budaya islam merupakan sesuatu yang sangat penting bagi menunjukkan bahawa wanita muslimah itu memiliki perasaan taat, halus, lembut, serta menghargai kualiti diri yang tinggi dalam diri. Perasaan cinta terhadap Allah SWT dan ketaatan setia menurut segala suruhan yang termaktup dalam Al-Quran adalah naluri yang tinggi yang dianugerahkan dari yang Maha Esa. Namun perspektif keindahan yang dikurniakan oleh yang Maha Esa pada setiap manusia khususnya wanita muslimah berbeza-beza dari segi keinginan, pendapat dan cita rasa. Pemakaian hijab adalah identiti dan budaya Islam. Keindahan hijab itu adalah sesuatu bentuk penerimaan muslimah terhadap Allah swt. dan bukan penentangan. Berhijab adalah prinsip dalam bentuk penyerahan diri muslimah terhadap perintah Allah swt. untuk mendapatkan keredhaan dariNya. Hakikat setiap pengemar mahupun pengamal hijab jika pemakaian hijabnya adalah atas dasar terhadap sesuatu budaya, maka tiada pahala baginya. Oleh itu, keindahan hijab dalam budaya Islam adalah terletak pada akal fikiran dan keredhaan Allah terhadap pemakainya. Makna ini jelas dalam konsep keindahan G.W.F. Hegel dalam konsep keindahan yang menyatakan bahawa :

“Keindahan adalah kepunyaan idea pemikiran dan hanya pemikiran sahaja yang berkebolehan untuk menampung kebenarannya”. (Zakaria Ali, 2012)

b. Keindahan Hijab Dalam Estetika

Sebagaimana seni idea menurut Plato, keindahan hijab wujud dengan hadirnya pereka-pereka hijab yang mengabungkan etika dan estetika. Prinsip profesional yang melambangkan keseimbangan komposisi adalah bersifat unik pada pemakaian hijab. Keseimbangan antara agama dan fesyen berhijab menjadi bingkai makna keindahan dalam mencipta kreativiti dalam busana hijab. Budaya dalam fesyen berhijab memang tidak dapat dipisahkan dari kalangan wanita. Wanita sememangnya suka meniru fesyen pakaian yang baru dilihatnya. Mereka menganggap pakaian yang mereka tiru itu sesuai dengan mereka (Ahmad Marzuki & Noor Betty Azura, 2008). Fesyen pakaian yang harus dipakai oleh setiap wanita Islam tidak ditentukan dengan rigid atau tetap, sebaliknya Islam membuka luas kepada umatnya daya cipta atau kreativiti untuk mencipta fesyen pakaian yang sesuai dengan berpandukan ketetapan syariah. (Seripah Zin Ali, 2009). Begitu juga dengan fesyen hijab, ini jelas dalam konsep Plato tentang seni imitatif.

Tranformasi hijab kini telah membawa kepada fesyen berhijab. Fesyen hijab kontemporari menjadi pilihan kepada pengemar kerana ada yang fesyennya mengekalkan reka bentuk kepada syariat Islam dan ada juga disebaliknya. Walaupun begitu fenomena berhijab telah mengalamai transisi peralihan yang sangat positif dalam pemakaian hijab. Fesyen hijab atau dikenali fesyen hijab kontemporari adalah satu bentuk ekspresi diri yang mempunyai kelainan dari rekaan hijab yang biasa dilihat. Fesyen hijab kontemporari mempunyai tarikan tersendiri dari segi cara pemakaian atau ikatannya, mempunyai pelbagai reka bentuk, menggunakan warna yang lebih dari satu warna dan juga mempunyai kelainan dari segi fabriknya. Fesyen hijab kontemporari bukan sahaja unik malah ditambah dengan aksesori menandakan perubahan dinamik antara budaya timur dan barat. Dengan kelainan dan gaya pemakaian hijab kini ternyata nilai estetika dalam seni imitatif menurut Plato memiliki unsur kreatif dan akuisitif.

Pengertian nilai kreatif dalam keindahan hijab kini adalah melalui reka bentuk gayaannya, material dan fungsi dalam berhijab. Melalui idea dan gabungan prinsip imitatif menjadikan keindahan hijab sebagai busana yang eksklusif. Seperti contoh tudung 'Ariani' dan 'Fareeda' adalah jenama yang menjadi fenomena pemakaian hijab di Malaysia.

Kriteria gaya tudung yang mudah dipakai, siap dijahit 'awning' di atas kepala, mempunyai satu jenis fabrik mahupun yang berlapis-lapis, aksesori yang siap diletak dalam komposisi yang sesuai, warna pastel, terang mahupun gabungan warna harmoni menunjukkan satu nilai kreativiti yang membawa evolusi dalam pemakaian hijab. Evolusi inilah yang dimaksudkan kepada prinsip akuisitif. Akuisitif adalah dorongan dalam rekaan yang melahirkan imitasi yang sumbernya bukan keilahian atau keagamaan, tetapi "ke-aku-an" dari idea manusia yang diwakili oleh keinginan dalam menguasai dan mengendalikan fesyen hijab yang berlandaskan estetika. Hakikat erti keindahan hijab yang mengikut fahaman Plato sebagai imitatif adalah kecantikan dan keindahan menyeluruh dan bukan etika, namun ada sesetengah reka bentuk hubungannya bergantung di antara satu sama yang lain.



Rajah 2 Pemakaian hijab berkonsepkan estetika
Sumber rujukan : Majalah Hijabista Mei 2013

c. Keindahan Hijab Dalam Budaya

Keindahan hijab dalam budaya adalah keunikan sesuatu bangsa. Agama Islam adalah agama seluruh dunia. Dengan perbezaan budaya, penggayaan hijab mempunyai reka bentuk dan gaya yang pelbagai cita rasa. Rekaannya banyak diorientasikan daripada komuniti tertentu mengikut adat dan budaya yang sesuai dengan keperibadian sesuatu bangsa itu. Walaupun ada antaranya mempunyai persamaan, namun ada sedikit perbezaan cara gayaan dan fahaman. Jelas di sini menunjukkan bahawa pemahaman Plato melalui idea dan imatatif adalah merupakan keindahan hijab sebagai agama mahupun budaya. Konsep ke-aku-an cita rasa estetika dari pemikiran manusia untuk menonjolkan reka bentuk hijab melalui budaya masing-masing adalah warna dan ciri-ciri keindahan itu dalam budaya.

Transformasi penggayaan hijab dalam budaya sesuatu bangsa itu adalah terletak kepada pereka hijab yang mengolah mengikut peredaran zaman. Fenomena berhijab pada abad kini telah menjadi satu ledakan fesyen muslimah yang menjadi ikutan pengemar hijab seluruh dunia. (Harian Metro, Siti Zanariah Sahib, 2013). Ini terbukti di Malaysia sejak dari tahun 2000 hingga sekarang evolusi pemakaian hijab semakin positif dan mempunyai tempat di hati muslimah. Tiada fesyen yang kekal dan statik buat selama-lamanya kerana budaya sentiasa dinamik dan sentiasa berubah mengikut keperluan dan fungsi zamannya. Fesyen hijab atau gaya hijab yang moden dan kontemporari adalah bersifat komprehensif.

Reka bentuk ini mempunyai variasi bentuk dan amalan yang polisemik atau bercampur aduk kerana produk budaya itu biasanya dihasilkan secara berkumpulan dan tidak bersifat individuallistik. Analisis tentang reka bentuk hijab kontemporari ini terpaksa dilakukan mengikut pengalaman atau rujukan yang bersifat peribadi dan kolektif.

d. Seni Idea Dan Imitatif Dalam Budaya Kontemporari

Seni dan budaya kontemporari khususnya pengayaan hijab telah banyak dipengaruhi dan dihasilkan reka bentuknya dari unsur pengaruh budaya luar yang sangat dinamik reka bentuknya dan mempersonakan. Sejak zaman Melayu Melaka lagi masyarakat kita telah terdedah kepada budaya luaran yang bersifat metropolitan atau antarabangsa. Busana hijab juga tidak terkecuali. Fesyen hijab kini telah menerima kehadiran budaya luar atau cita rasa global khususnya dengan meniru dan memartabatkan pula reka bentuk dan nilai budaya yang bersifat *Amerikanisme*, *Arabisme* dan *Indonesiaisme*.

Sememangnya Amerika dan Eropah adalah juara globalisasi. Namun dalam pengayaan hijab pengaruh budaya Arab dan Indonesia sangat dekat dengan cita rasa wanita muslimah Malaysia. Ini jelas terbukti dalam kajian pengkaji melalui evolusi reka bentuk hijab. Gaya lilitan hijab Arab dan transisi fesyen hijab Indonesia telah mengeksplot rupa bentuk dan nilai budaya mereka secara bebas dan berleluasa dalam fesyen berhijab. Dengan pengaruh budaya fesyen hijab ini, fesyen hijab di Malaysia seperti kehilangan rupa bentuk dan ciri budaya Melayu kerana telah digantikan dengan cita rasa baru, moden dan kontemporari.

Seni dan budaya kontemporari telah menjadikan gaya hijab menjadi pasca ketamadunan baru. Fesyen hijab kini telah dikelilingi dan dibanjiri oleh teknologi tinggi, budaya konsumerisme, gaya fesyen hijab segera (hijab *awning*), dan bergaya dengan wajah bersikap asing yang bukan dihasilkan oleh tradisi. Perubahan gaya ini yang mengubah bentuk, konsep nilai seni dan budaya warisan Melayu ke arah multikulturisme yang segar dan akan bersaing diantara satu sama lain. Budaya kontemporari mempunyai bentuk dan cita rasa yang sentiasa segar, mengalami proses ubah suai, penambahbaikan nilai yang sentiasa dinamik dari ruang lingkungannya. Perubahan demi perubahan sentiasa berlaku yang bermakna variasi budaya yang bertindih-tindih adalah bentuk dan amalannya. Budaya harian yang bersifat popular ini didasari realiti wanita muslimah moden kini. Pergeseran budaya inilah yang mewujudkan keindahan kecantikan hijab menerusi gabungan etika dan estetika dalam keindahan hijab sebagai agama dan budaya.



Rajah 3 Konsep idea dan imitatif dalam busana hijab kontemporari
Sumber rujukan : Majalah Hijabista Feb. 2014

KESIMPULAN

Konsep berhijab sudah termaktub dalam Al Quran dan Al sunnah. Peraturan yang diperintahkan sewajarnya diikuti. Namun di atas desakan pemodenan prinsip keindahan hijab itu dipelbagaikan. Ada reka bentuknya menurut syariat dan ada hanya reka bentuk hijabnya yang diolah sebagai fesyen sahaja. Dalam kajian ini penyelidik mendapati manusia sentiasa mengalami perubahan kehidupan secara individu ataupun secara kolektif dalam konteks kehidupan bermasyarakat. Perubahan daripada kelompok masyarakat ini terjadi adalah kerana perubahan sosial. Perubahan sosial merangkumi gaya atau fesyen hijab yang dulunya berkiblatkan dunia timur, kini lebih dikenali konsep budaya kontemporari. Keindahan hijab sebagai agama dan budaya kontemporari inilah pengkaji menilai sebagai satu pergeseran antara pemakaian hijab masa kini dengan manifestasi perilaku dalam menjalani tuntutan beragama. Budaya popular diagungkan sehingga bergeseran dengan nilai-nilai keindahan agama dan wujud budaya fesyen hijab kontemporari. Pergeseran ini terjadi kerana wanita atau penggemar hijab kontemporari lebih menekankan kepada komersialisasi dan pemodenan. Budaya popular yang diaturlah oleh negara barat yang disalurkan kepada media sosial tentunya memberikan pergeseran makna kepada keindahan hijab sebagai agama dan budaya. Ini terbukti dengan reka bentuk hijab yang sentiasa berubah seiring dengan keadaan dan situasi yang tidak terkawal, mewujudkan kepelbagaian bentuk, persepsi, cita rasa, fungsi, matlamat dan nilai yang bersifat multikultural dan global.

Budaya gaya hidup dan keinginan beridentiti sebagai seorang yang berfesyen, pengkaji berpendapat konteks perubahan sosial, perubahan peringkat umur, hubungan budaya moden dan popular, kuasa membeli dan masyarakat pos-modernisme saling bergantung di antara satu sama yang lain. Makna keindahan hijab sebagai agama dan budaya tercermin kreatif dan akuisitif dalam penampilannya membuktikan peranan seorang pereka telah memenuhi tuntutan zaman di mana trend pemakaian hijab selain sebagai tuntutan agama ia juga lahir dengan trend mod berbudaya sebagai lambang komuniti bermasyarakat. Dari pemakaian hijab yang biasa yang hanya pengaruh dari budaya telah menjadi lebih sempurna dengan kefahaman tentang cara pakaian yang betul dalam menuntut menutup aurat sehingga tercipta penampilan pemakaian hijab yang lebih moden dengan konsep pos-modernisme.

RUJUKAN

Buku

Abdul Aziz Thaba. (1996). *Islam dan Negara Dalam Politik Orde Baru*.

Alfin Toffler. (2006). *Revolutionary Wealth* Knopf ISBN 0-375-40174-1

Siti Zainon Ismail. (2009-2010). *Keindahan Dan Keunikan Busana Warisan Negeri Selangor*. Himpunan Kertas Kerja Siri Kuliah Budaya.

Fatimah Hj. Omar. (2010). *Hijab Antara Adat & Tuntutan Syariat*.

Ismail Abdullah. (2009) Seni Budaya Media dan Konflik Jati Diri.(hlm 6,7,19).

Muhammad Thoriq Akhyar al Medani Tahkiq: Abu Hamdy Muhammad Hatta. (2010).
Feqah untuk Wanita, Panduan Dan Amalan Bagi Muslimah Solehah.

Seripah Zin binti Ali. (2009). Aurat Wanita Menurut Persektif Al-Quran.

Zakaria Ali. (2012). Teori-Teori seni Bacaan Pilihan.

Jurnal

Fadhillah (2010).Makna keindahan mode busana muslimah sebagai citra budaya masyarakat.(Suciati, 2012), (Ellya Zulaikha, 2003).

Zulkifli Abd. Latiff, and Fatin Nur Sofia Zainol Alam, (2013). *The Roles of Media in Influencing Women Wearing Hijab: An Analysis, Journal of Image and Graphics. Volume 1. No.1. March, 2013.*

Tesis

Ahmad Marzuki Bin Mohamad & Noor Betty Azura Binti Muhamad Radzi.(2008).
Persepsi Pelajar Wanita Islam UTM Terhadap Fesyen Terkini Dan Tuntutan Menutup Aurat.

Aryani Nurofifah. (2013). Jilbab Sebagai Fenomena Agama Dan Budaya.

Amir Piliang, Yasraf. (2004). Dia yang dilipat: Temasya Melampaui Batas-Batas Kebudayaan. Bandung :Jalasutra.

Mihret Woldesemait. (2013) *Unfolding the Modern Hijab: From the Colonial Veil to Pious Fashion.*

Nicole McDermott. (2010). *Modernization of the hijab in Amman, Jordan: A symbol of Islam and Modernity.*

Yasraf Amir Piliang. (2009). Posrealitas, Realitas kebudayaan dalam era Posmetafisika.

Akbar

Sarah Musa. (2013, Mei 11). Juara pertandingan Hijab Gaya AS, *Chicago*, Pelajar *Institut Teknologi Fesyen Chicago*. Harian Metro. (hlm 22).

Siti Zanariah Sahib.(2013, Mei 11). Busana Muslimah Ala Amerika, Harian Metro. (hlm 21)

Majalah

Anis Suraya. (2013). Fesyen Hijab Moden. Majalah Remaja. (hlm 96, 97).

Dr.Abdul Basit Abdul Rahman. (2013). Majalah i. Auratku Maruah ku. (hlm 11-14).

Wan Zainina Wan Bakar. (2013).Pensyarah Kolej Islam Antarabangsa(IIC), Berhijab...Fesyen @ Tuntutan ?. Majalah Remaja. (hlm 99).

Yasmin Siddik. (2013). Budaya berhijab. Perunding imej Butik Woman to Woman dan pereka busana Islamik. Majalah Remaja. (hlm 23).

Rujukan Internet

Meghan Neal. (2012) NYDailyNews.com. New York, Amerika Syarikat.